

1,332 bubu naga, 6 bot rawa dirampas

4/7/19 B/HARIAN MS 55

Sitiawan: Jabatan Perikanan Perak merampas 1,332 bubu naga dan enam bot rawa sorong bernilai hampir RM300,000 dalam operasi yang dijalankan di perairan negeri ini sejak 1 Januari sehingga semalam.

Ketua Pangkalan Utama Cawangan Perlindungan Sumber (CPS) Kampung Acheh, Mansor Yobe, berkata kegiatan menangkap ikan menggunakan dua kaedah itu dikesan masih berleluasa biarpun ia sudah diharamkan penggunaannya.

"Hasil operasi yang dijalankan mendapati nelayan masih banyak melakukan aktiviti rawa sorong di perairan Pantai Pasir Hitam, Taiping, manakala bubu naga pula di sekitar perairan Pantai Remis, Manjung.

"Dari Januari lalu sehingga kini, kita sudah merampas 1,332 bubu naga bernilai RM106,560 dan enam bot rawa sorong bernilai RM180,000 dan semua barang rampasan ini akan dilupuskan," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Kampung Acheh, semalam.

Mansor berkata, aktiviti rawa sorong adalah kegiatan menangkap ikan yang dilakukan menggunakan sampan serta dua pukot buluh di mana ia menggunakan kaedah mengorek menggunakan buluh sehingga kedalaman setengah meter untuk mendapatkan hasil seperti ikan dan udang.

"Pukot rawa sorong diharam-



Mansor menunjukkan bubu naga yang dirampas dalam operasi dijalankan di perairan Perak sejak Januari lalu.

(Foto Noor Hidayah Tanzizi/BH)

kan penggunaannya kerana ia memerangkap atau membunuh anak ikan dan benih udang serta merosakkan dasar laut.

"Sama seperti bubu naga yang boleh mengakibatkan benih ikan pupus. Biarpun sudah diberikan amaran, kegiatan ini masih berleluasa," katanya.

Beliau berkata, menggunakan

bubu naga lebih mudah dan hasil tangkapan juga lumayan menyebabkan nelayan memilih menggunakan cara itu biarpun menyalahi undang-undang.

"CPS Kampung Acheh akan terus meningkatkan pemantauan dan operasi bagi mengekang aktiviti penangkapan ikan yang menyalahi undang-undang negara

ini," katanya.

Mansor menegaskan, peralatan yang dirampas akan disita dan boleh dikenakan hukuman mengikut Seksyen 11 (3)(c) Akta Perikanan 1985 untuk bubu naga dan untuk rawa sorong mengikut Peraturan Dua Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Cara Menangkap Ikan) 1980.